

30 MAR 2002

Abdullah-Israel

MALAYSIA BIDAS TINDAKAN TERBARU REJIM ISRAEL TERHADAP PALESTIN

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan melampau Israel menggempur perkarangan ibu pejabat pemimpin Palestin Yasser Arafat semalam dan mengisytiharkannya sebagai musuh.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Israel tidak pernah mahukan keamanan dan kedamaian.

"Sebelum ini sudah ada perjanjian tetapi bila Ariel Sharon menjadi Perdana Menteri Israel, dia tidak mahu (ikut) apa yang sudah dijanjikan," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Israel itu tidak mahukan keamanan di Asia Barat dan mahu seboleh-bolehnya menggunakan kuasanya kerana Israel adalah sebuah kuasa besar di kawasan itu dengan kemampuan ketenteraan yang hebat.

"Maka itulah dia mencari penyelesaian masalah itu dengan kekuatan ketenteraan," kata Abdullah selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Wangsa Maju di sini, hari ini.

Semalam tentera Israel menawan Ramallah di Tebing Barat yang menjadi pusat pejuang Intifada, selepas mengerahkan bala tenteranya melancarkan serangan besar-besaran terhadap wilayah Palestin itu.

Tentera rejim itu turut menggempur ibu pejabat Yasser, selepas Sharon dan kabinetnya mengisytiharkan pemimpin Palestin itu dan pihak berkuasa Palestin sebagai musuh.

Gerakan itu ekoran serangan berani mati pejuang Intifada yang mengorbankan 27 rakyat Israel dalam tempoh tiga hari, termasuk 21 orang pada permulaan perayaan Yahudi, Passover, kelmarin.

Abdullah menyifatkan tindakan Israel terhadap Yasser sebagai satu tindakan yang zalim kerana bukan senang untuk pemimpin Palestin itu untuk menguasai dan menghapuskan semua tindakan geram penduduk Palestin.

"Bukan senang untuk Yasser menguasai dan menghapuskan segalanya. Orang Palestin marah kerana mereka telah ditindas, hak mereka tidak diberikan sebab itu mereka bertindak kerana geram," kata Timbalan Perdana Menteri.

Oleh kerana inilah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar pasukan pengaman ke Tebing Barat untuk memastikan tidak akan ada lagi pergaduhan,

"Kerana bila pasukan itu masuk, ia dianggap pasukan yang boleh menjamin keamanan dan ia membuka jalan untuk berunding tetapi nampaknya kuasa-kuasa besar yang mampu menghantar pasukan pengaman itu, enggan berbuat demikian," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ RON